

19 JUN 2001

Konsortium-Nanyang

MCA BELUM JAWAB TAWARAN KONSORTIUM AMBIL ALIH NANYANG

PUTRAJAYA, 19 Jun (Bernama) -- Satu konsortium lapan ahli perniagaan Cina yang semalam membuat tawaran untuk mengambil alih kesemua 72.35 peratus pegangan Huaren Holdings Sdn Bhd dalam Nanyang Holdings Bhd belum mendapat jawapan daripada MCA selaku pemilik Huaren.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) Tan Sri Lim Guan Teik yang mengetuai kumpulan itu, berkata mereka akan menunggu jawapan daripada MCA berhubung tawaran membeli Huaren pada harga RM5.60, yang merupakan 10 sen lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh cabang pelaburan MCA itu untuk membeli Nanyang dalam urusan melibatkan kos RM230 juta.

"Kami akan tunggu sehingga mereka membuat keputusan," katanya ketika ditemui pemberita secara kebetulan di bilik keselamatan Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengundang Perdana Menteri ke satu jamuan malam.

"Kami sekadar mengundang Dr Mahathir ke jamuan malam. Kami mahu tetapkan tarikhnya," kata Lim tanpa menjelaskan mengenai jamuan itu.

Kepala soalan sama ada Dr Mahathir bertanyakan beliau mengenai tawaran oleh konsortium itu, beliau berkata : "Tidak, PM sibuk. Jadualnya ketat, kami hanya sempat menemui beliau selama setengah jam."

Ketika ditanya sama ada konsortium itu menjangka mendapat jawapan yang positif daripada MCA berhubung tawaran itu, Lim berkata beliau perlu menunggu jawapan daripada Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau juga berkata konsortium itu turut mahu melihat sama ada mesyuarat agung luar biasa MCA Ahad ini dapat menyelesaikan isu pembelian itu.

Pengambilalihan Nanyang oleh Huaren menjadi kontroversi apabila beberapa pemimpin kanan MCA sendiri membantah urusan niaga itu dengan alasan parti itu tidak harus menguasai akhbar Cina.

-- BERNAMA

HS AFY MAI